

2 INAM: P M KECAWA PAS

Tanda kecewa, tamak dan pentingkan fahaman politik lebih dari agama

ALUR SETAR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, peristiwa sembahyang dua imam di Terengganu adalah satu gejala kekecewaan perjuangan politik PAS.

"Peristiwa seperti ini adalah hasil rancangan baru pemimpin-pemimpin PAS untuk kepentingan politik mereka," ujarnya ketika berucap merasmikan mesyuarat agung perwakilan UMNO Bahagian Alur Setar di Tapien Gelanggang di sini.

Perdana Menteri berkata, pemimpin-pemimpin PAS mencipta perkara-perkara seperti sembahyang dua imam dan pengubuman yang berasingan hanya untuk kepentingan politik mereka.

"Mereka sanggup mem-

belakangkan agama walaupun sedar perbuatan-perbuatan itu bertentangan dengan ajaran Islam," tambah beliau.

Beliau menafikan golongan itu sebagai orang tamak serta mementingkan fahaman politik mereka sehingga sanggup melakukan perbuatan yang berangah dengan ajaran Islam.

Katanya, perjuangan mereka bukan kerana agama Islam tetapi kerana kepentingan politik.

"Mereka sanggup melakukan apa saja sekalipun dapat sokongan rakyat khususnya masyarakat kampung untuk menajdi wakil rakyat dan membentuk kerajaan," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, golongan tersebut begitu takuf dengan fahaman politik mereka sehingga sanggup memeralatkan agama bagi mencapai cita-cita dan kepentingan mereka.

Perdana Menteri kluat-perkara-perkara seperti sembahyang dua imam akan merobek sekiranya tidak dibendung dan diambil tindakan yang berkesan.

Oleh NAZAR ABDUL

Beliau mengesah ahli-ahli UMNO melitigandakan usaha menyedarkan rakyat khususnya masyarakat Islam tentang pentingnya perpaduan di antara mereka.

Katanya, mereka janganlah lupa bahawa kejayaan mendapat kemerdekaan adalah hasil dari perpaduan rakyat khususnya orang-orang Melayu.

Menurutnya, tindakan dan usaha memecababalkan umat adalah gejala-gejala tidak mengahargai nikmat kemerdekaan yang dicapai melalui perpaduan dan penyatuan rakyat.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan nikmat kemerdekaan hilang jika rakyat tidak mengahargai serta memelihara dengan mengahar perpecahan di kalangan mereka.

Bagaimanapun tambahnya, ada pulasorgi terpadai perpaduan itu tidak penting dan

kemerdekaan akan kekal selama-lamanya.

Mengenai kemesejatan ekonomi dunia sekarang, Perdana Menteri menegaskan bahawa setiap masyarakat hendaklah sanggup mengamalkan sikap berjimat-cermat.

Beliau yakin jika rakyat sanggup mengamalkan sikap demikian negara akan mencapai kebahagiaan yang cemerlang.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Kubang Pasu di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim di Jenam kira-kira 20 km dari sini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata sistem demokrasi jika salah digunakan boleh mengancam dan meruntuhkan.

"Sistem demokrasi di negara kita membolehkan suara sumbang dari parti pembangkang berleluasa dan mempengaruhi rakyat," tambahna.

Beliau berkata rakyat perlu mengawasi golongan itu supaya mereka tidak dibelakangkan merosakkan negara.